

MAJLIS JAMUAN HARI RAYA JPM 2016

Majlis Jamuan Hari Raya Jabatan Perdana Menteri (JPM) tahun 2016 pada kali ini berlangsung pada 20 Julai 2016 bersamaan 15 Syawal 1437H di PICC, Putrajaya. Tema raya tahun ini adalah “Syawal@JPM : Di Sini Kasih Bersemi”. Majlis ini terdiri dari semua Kementerian/Bahagian/Agenzi di bawah JPM termasuk Pejabat YB Mejar Jeneral (B) Seri Jamil Khir bin Baharom dan YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dusuki. Sebanyak 14 agensi di bawah Pejabat YB Mejar Jeneral (B) Seri Jamil Khir bin Baharom dan YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dusuki iaitu JKSM, Mahkamah Syariah, Pejabat Mufti, Tabung Haji, JAKIM, JAWHAR, YWM, MAIWP, JAWI, IKIM, IKSIM, YADIM, YAPEIM dan TV Al-Hijrah. Booth telah diberikan menu Nasi Arab. JKSM, TV Al-Hijrah, YWM, YADIM dan JAWI ditugaskan untuk membuat deko dan menghias di Booth.



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI JKSM TAHUN 2016

Majlis Sambutan Aidilfitri JKSM Tahun 2016 diadakan pada 25 Julai 2016 bersamaan 20 Syawal 1437H di Aras 3, Blok D8, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Majlis ini dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Sukan (KKS), JKSM dengan kerjasama PUSPANITA cawangan kecil JKSM. Pada tahun ini KKS, JKSM telah memberikan tanggungjawab tersebut kepada Biro Tugas-tuga Khas dalam merealisasikannya. Sebanyak 10 gerai/ booth diwujudkan dengan menu yang telah ditetapkan dan setiap gerai diberikan RM100 oleh KKS, JKSM. Terdapat cabutan bertuah dan Gerai/Booth BKPSM telah memenangi anugerah Gerai Terbaik 2016.





Disediakan Oleh;
Setiausaha KKS, JKSM